

# Akhbar Australia desak Keating minta maaf

B.H.30 NOV 19

SYDNEY, Isnin — Akhbar dan ahli perniagaan Australia mendesak Perdana Menteri, Paul Keating, hari ini supaya meminta maaf kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana bimbang kenyataannya yang mengecam rakan sejawatannya itu akan menjejaskan hubungan perdagangan kedua-dua negara.

"Tiada Jalan Keluar: Keating Mesti Minta Maaf," menurut ulasan akhbar *The Sydney Morning Herald* mengenai pertikaian yang semakin buruk antara kedua-dua negara itu.

Akhbar *The Australian* pula memberi amaran: "Pengeksport bersiap sedia menghadapi kerugian."

Ketika menjawab beberapa soalan mengenai langkah Dr Mahathir tidak menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, minggu lalu, Keating memanggil beliau 'keras kepala.'

Keating juga berkata, beliau tidak peduli sekalipun pemimpin Malaysia itu tidak menyertai sidang selanjutnya di Jakarta tahun depan.

"Saya berpendapat, kerajaan Australia perlu mencipta keadaan selesa dengan melarang ulasan seperti yang dibuat oleh Perdana Menteri, kerana ia boleh disalahtafsirkan atau menimbulkan salah faham," kata Pengarah Majlis Perniagaan Australia-Malaysia, Andrew Grummet, dalam temuramah di radio.

Dalam suratnya kepada Keating, Pengarah Urusan syarikat komputer, *Sybiz Software*, Peter Lucas, meminta beliau supaya lebih berhati-hati.

"Malaysia adalah pasaran terbesar kami di Asia dan tentunya kami bimbang dengan perkembangan ini.

"Kami berharap anda mengelak daripada membuat kenyataan tidak wajar yang boleh menjejaskan hubungan perdagangan Australia dan Malaysia," katanya.

Minggu lalu, Pemuda Umno menuntut supaya Keating meminta maaf dalam tempoh tujuh hari.

Keating enggan menjawab pertanyaan wartawan mengenai isu ini. Menurut jurucakapnya: "Dr Mahathir dan Keating adalah pemimpin yang sedia mempertahankan kepentingan negara masing-masing."

"Kerajaan Malaysia tidak memberitahu kami mengenai pendiriannya dalam isu ini. Perlu dinyatakan bahawa sesetengah media kedua-dua negara mengembar-gemburkan isu ini," katanya. — Reuter